

Rawatan gigi percuma sempena UMS Rentas Borneo

NST 22.3.2014 4

KOTA KINABALU: Penduduk yang tinggal berhampiran SK Pementerian, Nabawan, SK Tg. Labian, Lahad Datu dan SK Pinangkau, Beluran berpeluang mendapat rawatan dan pemeriksaan gigi secara percuma sempena program UMS Rentas Borneo pada 24 hingga 30 Mac ini.

Menurut Dekan Sekolah Perubatan (SPU), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. D Kamaruddin D Mudin, program khidmat pemeriksaan gigi yang julung-julung kali diadakan dalam program khidmat masyarakat sebegini mendapat sokongan dan kerjasama dari Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).

"Saya sangat berterima kasih dengan komitmen dan sokongan yang diberikan JKNS kerana dengan cara ini, hubungan sedia ada yang terjalin antara UMS dan JKNS terus dapat dipereratkan lagi," jelasnya ketika dihubungi Media Canselor.

"JKNS akan menyediakan kepakaran dengan membawa doktor gigi berserta peralatan dan kemudahan pergigian di 3 lokasi iaitu (25 Mac - SK Pementerian), (27 Mac - SK Tg. Labian) dan (29 Mac - SK

Pinangkau)," tambahnya.

Kamaruddin turut menyeru supaya penduduk yang tinggal di kawasan yang disebutkannya untuk hadir membuat pemeriksaan gigi secara percuma.

Tambah beliau lagi, selain daripada aktiviti tersebut, program UMS Rentas Borneo turut akan mengadakan rawatan kesihatan, persembahan kebudiayaan, jom masuk U dan ceramah motivasi.

"UMS Rentas Borneo turut membawa misi mempromosi sambutan ulang tahun ke-20 penubuhan UMS dan program ini merupakan salah satu aktiviti bagi mengisi sambutan itu," ujarnya lagi.

Program yang mendapat kerjasama sepenuhnya dari JKNS, Sabah Off Road Assosiation, Kelab Sukarelawan Pacuan 4 Roda UMS, PDRM dan ESSCOM ini akan memulakan ekspedisi merentas negeri Sabah melalui Beaufort, Nabawan, Tawau, Lahad Datu, Sandakan dan Beluran pada 24 Mac.

Perasmian pelepasan akan dilakukan oleh Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah, Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Hj. Ahmad Ayid di Dataran Dewan Canselor UMS.